

ASAL- USUL NAMA KAMPUNG MELAYU DI SARAWAK

(Bahagian Kuching): **Kampung Astana Lot di Bandaraya Kuching**

Informan : 1. Ketua Kaum En. Cil Bin Razak

Penterjemah : En. Ma Chee Leong

Oleh : 1. Abdul Rasid Haji Subet

2. Amizi Akram

3. Mazlan Zailani

Kampung ini asalnya terletak berhampiran dengan Astana yang ada sekarang ini. Kampung ini mendapat nama sebagai Kampung Astana Lot memandangkan kampung ini berdekatan dengan Astana dan tapak rumah penduduknya ditempatkan mengikut lot-lot yang dibahagikan. Dahulunya kebanyakkan tempat kawasan Astana masih diliputi oleh hutan. Penduduknya tidak ramai. Pada awal petempatan, kampung ini hanya terdiri daripada empat lorong sahaja manakala satu lagi merupakan jalan *forest@hill force?* ke Bukit Siol untuk pusat latihan *forest@hill force* yang dikenali sebagai Masja masa kini. Kawasan lain antaranya di Encik Buyong, Pawada (petempatan baru), Kampung Lintang dan Lorong Pak Songo. Untuk memudahkan mencari lokasi rumah, seseorang disarankan untuk menyebut nama lorong.

Antara kawasan yang termasuk dalam Kampung Astana ini termasuk kawasan Sungai Bedil Kecil dan Sungai Bedil Besar. Selain itu, kawasan berbukit yang berdekatan dengan Astana yang dikenali sebagai Tanah Raja. Bekas penjawat awam yang bekerja dengan Gabenor suatu ketika dulu akan diberikan tapak tanah untuk mendirikan rumah masing-masing di kawasan Tanah Raja tersebut yang masih wujud hingga kini. Jalan di kawasan kampung Astana Lot hanya jalan berbatu. Sepanjang jalannya dipenuhi oleh hutan dan pokok getah. Jalan berbatu dari Kampung Astana Lot ini boleh menghubungkan penduduknya hingga ke jambatan gantung di kawasan Samariang. Dari jambatan gantung tersebut pula membolehkan penduduknya ke seberang sungai.

Kebanyakan penghuni asal bekerja sebagai polis dan ada juga bekerja dengan pihak Astana. Kampung Astana Lot dahulu terdiri daripada 187 buah rumah dengan jumlah

penduduknya seramai 1078 orang. Pastinya jumlah ini mungkin sudah bertambah pada masa kini. Pada masa sekarang, kampung ini telah didirikan dua buah surau iaitu Surau Darul Muhasibin dan Surau Darul Ibadah. Suatu ketika dahulu, kampung Astana Lot pernah dilanda banjir. Air sungai sekitar kawasan sekitar yang mengalir masuk ke Sungai Bedil melimpah dan menyebabkan banjir. Dahulu, Sungai Bedil adalah tempat orang berenang dan laluan bot penambang keluar masuk. Namun kini, rumah-rumah telah dibina atas sungai ini dan menyebabkan Sungai Bedil ini tidak kelihatan lagi menyebabkan air di kawasan tersebut telah bertakung.

Kampung Sinsin dalam Kampung Astana Lot mendapat jolokan namanya kerana semasa banjir atau air pasang, penduduknya akan menyinsing pakaian mereka untuk mengelakkan pakaian basah. Hal ini kerana tiada jambatan atau titi dibina untuk mengelakkan diri melalui kawasan banjir. Justeru, wujud nama lorong satu kampung Sinsin di kawasan kampung Astana Lot. Ketua Kaum yang pertama ialah arwah Haji Jas (bekas kastam). Arwah Haji Jemaan/Maan (bekas polis) pula sebagai Ketua Kaum yang kedua. Kemudian diikuti oleh arwah Haji Sulaiman Mat (bekerja dengan pihak Astana/Gabenor). Haji Cil pula dilantik menjadi Ketua Kaum pada 2006. Walaupun terdapat Ketua Kaum, kampung Astana Lot dikawal selia oleh seorang penghulu iaitu Haji Morni Bin Abon. Sebelumnya, Hj Ibrahim Bin Hj Hassan (asal dari kampung Sungai Bedil) pernah dilantik menjadi penghulu kampung Astana Lot yang pertama. Sekarang beliau telah menjadi penghulu di Demak pula.

Keakraban penduduk kampung Astana Lot dapat diperhatikan semasa majlis keramaian seperti perkahwinan atau kematian. Pemuda-pemuda kampung akan bergotong-royong pergi ke hutan tebal di kawasan sekitar kampung untuk mendapatkan kayu. Aktiviti bergendang juga dimainkan suatu ketika dahulu. Sejak penubuhan Malaysia pada 1963 hingga kini, tidak dapat dinafikan bahawa kampung Astana Lot sudah semakin berkembang maju dan pesat dengan pembangunan.